

28 MAR 1998

Tajol - Pendatang

KAWALAN DIPERKETATKAN DI DEPOT TAHANAN PENDATANG

GERIK, 28 Mac (Bernama) -- Kementerian Dalam Negeri akan mempertingkatkan kawalan di semua depot tahanan pendatang asing bagi mengelak kejadian rusuhan, kata timbalan menteri Datuk Tajol Rosli Ghazali hari ini.

Katanya, siasatan terperinci akan dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian rusuhan di depot tahanan pendatang asing Semenyih, Khamis yang menyebabkan seorang anggota polis dan lapan pendatang mati.

"Kita ingin tahu bagaimana maklumat mengenai tarikh penghantaran balik sampai ke tangan pendatang itu kerana ianya patut dirahsiakan," kata beliau kepada pemberita di akhir persidangan perwakilan Umno Bahagian Gerik.

Tajol Rosli yang merupakan Ketua Umno bahagian itu telah mengekalkan jawatan itu tanpa ditandingi. Persidangan itu dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata siasatan juga akan dijalankan bagi menentukan bagaimana media asing dapat memiliki gambar kejadian rusuhan dalam depot tahanan Semenyih seperti yang disiarkan oleh akhbar International Herald Tribune sedangkan kawasan itu adalah kawasan keselamatan.

Tajol Rosli berkata penghantaran balik pendatang akan diadakan lebih kerap lagi.

Pada masa ini terdapat lapan depot yang menempatkan 10,000 pendatang asing.

Beliau juga berkata kerajaan akan menghantar balik semua rakyat Indonesia yang memasuki negara ini tanpa mengikut peraturan yang ditetapkan tanpa membezakan sama ada mereka dari Aceh atau mana-mana daerah negara itu. -- BERNAMA

HK MAI